

BOOK REVIEW

Sejarah Rakyat Malaysia (Khususnya Perkembangan Nasionalisme) by Syed Husin Ali. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre dan Pusat Sejarah Rakyat, 2017, 200 pp.

Azmi Arifin

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA

Email: azmiarifin@usm.my

Published online: 24 April 2019

To cite this article: Azmi Arifin. 2019. Sejarah rakyat Malaysia (khususnya perkembangan nasionalisme) (Book review). *Kajian Malaysia* 37(1): 149–156. <https://doi.org/10.21315/km2019.37.1.7>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2019.37.1.7>

Disiplin ilmu sejarah adalah bertitik tolak daripada tafsiran yang sentiasa berubah terhadap sesuatu peristiwa, bergantung kepada bukti-bukti terbaharu yang diperoleh. Selain fakta yang konkrit yang tidak boleh dipertikaikan, pentafsiran sejarah itu sendiri tidaklah bersifat muktamad. Justeru, seruan-seruan yang muncul pada akhir-akhir ini, yang menyarankan agar sejarah diubah dan ditafsirkan semula lebih merupakan satu anomali, yang berpunca daripada kegagalan sesetengah pihak memahami prinsip dan kaedah ilmu sejarah serta tugas sebenar ahli sejarah.

Dalam konteks Malaysia, usaha-usaha mewujudkan satu tafsiran sejarah baharu bagi merombak tafsiran lama yang dianggap tidak lengkap dan tidak seimbang telah lama digerakkan, bukan oleh mana-mana ahli politik atau ahli sains sosial, tetapi oleh ahli sejarah itu sendiri. Namun sejak akhir-akhir ini wujud suatu gelombang yang cuba mendesak kepada perubahan secara menyeluruh dan mendadak, dengan menyarankan suatu antitesis kerana mendakwa sejarah awal sebagai “sejarah rasmi” yang berat sebelah dan menjadi alat propaganda parti pemerintah. Usaha yang mula digerakkan ini lebih mencerminkan satu keazaman sosial atau politik daripada sejarah, kerana yang menganjurkannya bukan ahli sejarah, tetapi individu-individu yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Adalah tidak sukar difahami bahawa di sebalik perjuangan untuk “mereformasikan” sejarah, terselit suatu keinginan memperjuangkan tujuan-tujuan yang bersifat politik atau ideologikal dalam kelompok mereka yang secara tiba-tiba sahaja kini menjadi “pakar-pakar sejarah”. Penerbitan buku terbaharu oleh Syed Husin Ali, mantan Profesor Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya tetapi kemudiannya menceburi bidang politik sepenuh masa, merupakan sebahagian daripada usaha dan gerakan itu yang dimangkinakan oleh sokongan meluas

organisasi-organisasi seperti Strategic Information and Research Development (SIRD), Gerak Budaya, dan Pusat Sejarah Rakyat yang bergerak aktif dalam memelopori tafsiran sejarah baharu.

Buku oleh Syed Husin itu sendiri dikatakan banyak digerakkan oleh sumbang saran dan pemikiran individu yang terlibat dalam Pusat Sejarah Rakyat, Petaling Jaya, Selangor. Tidak begitu jelas apa sebenarnya kekuatan dan kewibawaan Pusat Sejarah Rakyat, yang dianggotai oleh kelompok yang dianggap asing dan hampir tidak dikenali oleh ahli sejarah bagi mewakili satu suara sejarah jika dibandingkan dengan organisasi seperti Persatuan Sejarah Malaysia atau Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Dalam buku ini dinyatakan secara jelas bahawa individu yang terlibat dalam Pusat Sejarah Rakyat ini mempunyai sumbangan besar terhadap penulisan buku ini berdasarkan catatan yang dibuat oleh penulis sendiri yang menyatakan bahawa beliau "...banyak mengambil pandangan mereka (hlm. xi)." Berdasarkan senarai nama diberikan, umumnya mereka bukanlah ahli sejarah tetapi terdiri daripada pelbagai kelompok ahli akademik dan bukan akademik, juga aktivis sosial dan ahli politik yang mempunyai kecenderungan-kecenderungan dan keserasian ideologi tertentu, sekurang-kurangnya dari sudut pendekatan tafsiran sejarah mereka yang sebahagiannya jelas sendeng kepada aliran sosialis atau Marxis. Nama-nama seperti Fahmi Reza, Juliet Chin, Poh Soo Kai, Shaharuddin Baharuddin (arwah), Shaharuddin Maaruf, Wong Chin Huat, Diana Wong dan Abdul Rahman Embong bukanlah kombinasi nama-nama yang dapat mewakili suara ahli sejarah terkuat di Malaysia dari segi kewibawaan akademiknya (kecuali Cheah Boong Kheng yang telah meninggal dunia). Namun peranan mereka dilihat penting dalam merealisasikan cita-cita mewujudkan sejarah baharu.

Apapun buku sejarah ringkas ini – diberi tajuk *Sejarah Rakyat Malaysia* (dengan tumpuan sejarah nasionalisme) – diakui sendiri oleh penulis sebagai naskhah ringan dan tidaklah bersifat ilmiah sepenuhnya. Hal ini jelas, walaupun terdapat senarai rujukan, namun penulisan ini tidak mempunyai sebarang nota kaki dan rujukan sumber pertama sebagai satu elemen penting kajian sejarah khususnya yang berusaha memaparkan satu tafsiran baharu (hlm. 1). Oleh itu, bolehlah dikatakan dari segi kekukuhan kajian mahupun argumentasinya, buku ini tidaklah dapat dipertahankan sepenuhnya sebagai sebuah penulisan sejarah yang mantap. Kelebihan buku ini adalah terletak kepada fokus utamanya untuk menyorotkan perspektif sejarah yang lebih "seimbang, lengkap dan menyeluruh", dengan melihat dan mengukur kepada kelemahan-kelemahan tafsiran sejarah yang dikatakan wujud dalam penulisan sejarah sehingga kini. Dalam buku ini, Syed Husin telah membahagikan penulisan sejarah kepada beberapa jenis iaitu Sejarah Rasmi, Sejarah Alternatif, dan Sejarah Rakyat, dengan tumpuan utama buku ini adalah untuk menonjolkan gabungan Sejarah Rakyat dan Sejarah Alternatif

sebagai tafsiran sejarah yang mampu menjadi alternatif bagi memperbaiki atau menggantikan Sejarah Rasmi. Dari sudut ini, walaupun terdapat banyak kajian oleh ahli sejarah yang telah lama menyarankan pembahagian ini, namun tulisan Syed Husin boleh dikatakan antara yang paling ke depan dalam usahanya memberikan takrifan pelbagai jenis sejarah tersebut secara jelas.

Sejarah Rasmi bagi Syed Husin adalah sejarah yang diiktiraf secara rasmi, khususnya oleh pemerintah, dan dilihat sebagai sejarah golongan yang menang (hlm. 3). Dalam konteks sebuah negara yang pernah dijajah, Sejarah Rasmi Malaysia dilihat hanya mengutamakan sejarah pihak yang menjajah atau sekutu-sekutunya, misalnya menekankan peranan British dan rakan subahatnya sedangkan peranan kelompok yang menentanginya terdiri daripada rakyat peribumi diperlekehkan. Sejarah rasmi juga dikatakan terlalu menekankan peranan elit pemerintah, contohnya para pembesar dan raja-raja tradisional, atau kelompok elit pemerintah yang telah memenangi pilihanraya dan menguasai kerajaan. Kelompok lain khususnya lapisan rakyat bawahan dan kelompok minoriti agak dipinggirkan (hlm. 4). Sejarah Alternatif pula ialah sejarah yang bertentangan sepenuhnya dengan Sejarah Rasmi, oleh sebab sifatnya demikian, Sejarah Rakyat yang menekankan aspek sejarah kelompok umum dan bawahan juga adalah sebahagian daripada elemen Sejarah Alternatif tersebut.

Kelemahan utama takrifan ini ialah kerana ia secara tidak tepat mengaitkan Sejarah Rasmi dengan elemen-elemen yang bukanlah menjadi teras utama yang membentuknya. Maka diperlihatkan dalam Sejarah Rasmi itu, penekanan dalam pemaparan sejarah hanya diberikan terhadap beberapa tokoh atau individu yang berkuasa, mengutamakan sejarah Semenanjung Malaysia dan Melayu-Islam, dan umumnya lebih menumpukan kepada soal naratif politik khususnya bagi golongan majoriti, dengan meminggirkan aspek-aspek sejarah sosial dan ekonomi dan golongan minoriti (hlm. 8). Oleh itu, sejarah yang “tak rasmi” adalah yang menolak elemen-elemen tersebut. Memang dalam konteks persejarahan Malaysia setakat ini elemen tersebut wujud tetapi tidak semestinya menggambarkan sifat “Sejarah Rasmi” bagi kes-kes sejarah yang lain, misalnya bagi sesetengah negara di Afrika dan Amerika Selatan yang kini menolak pendekatan elitis dan Eurosentrik dalam persejarahan mereka. Di sini wujud kekeliruan kerana takrifan lebih tepat bagi menjelaskan Sejarah Rasmi ialah sejarah yang telah dibentuk dan ditetapkan oleh pemerintah dan cuba dipaksakan untuk diterima oleh masyarakat, tidak kira sesiapa pun pemerintah itu, terutamanya melalui buku teks sejarah. Dalam konteks ini, sejarah yang menekankan kelompok terpinggir seperti buruh, pelacur, imigran, minoriti, pembangkang, orang asli atau komunis – boleh juga menjadi sebahagian naratif Sejarah Rasmi – asalkan naratif itu ditetapkan oleh pihak pemerintah yang sesetengah pihak hari ini percaya akan direalisasikan melalui perubahan yang bakal dilaksanakan oleh pemerintah baharu di Malaysia terhadap buku teks sekolah.

Tunjang utama buku ini menganjurkan pendekatan “Sejarah Rakyat” yang dikatakan “...berbeza dengan kebiasaan yang terdapat dalam buku-buku yang boleh dikatakan sebagai Sejarah Rasmi”. Namun akhirnya, dengan kesukaran-kesukaran yang telah lama dihadapi ahli sejarah, penulis terpaksa juga “...mengakui belum berjaya sepenuhnya menulis sebuah buku sejarah yang benar-benar berupa Sejarah Rakyat” (hlm. 188). Bahkan amat jelas keseluruhan bab-bab dalam buku ini hanya mengulang sahaja naratif lama yang terdapat dalam apa yang dianggap oleh Syed Husin sebagai Sejarah Rasmi, kecuali 21 halaman terakhirnya yang mula menyentuh tentang aspek-aspek politik semasa yang jarang disentuh oleh ahli sejarah, bermula daripada ulasan tentang Gerakan Reformasi, Bersih, Hindraf, Pakatan Rakyat, 1MDB hinggalah isu-isu politik semasa di Sabah dan Sarawak yang sudah jelas tidak lagi menampakkan wujudnya satu wacana sejarah. Pada peringkat itu, baharulah terserlah perbezaan utama penulisan Syed Husin ini dengan tulisan-tulisan “Sejarah Rasmi”, iaitu keinginannya menempatkan sejarah perjuangan politik yang didukunginya yang diperlihatkan sebagai bersifat “Sejarah Rakyat”. Disebabkan tujuan itu, penulis pada bahagian akhir buku ini mula memberikan gambaran dengan cara yang prejudis dan berat sebelah, yang kebiasaannya akan dielakkan oleh seseorang ahli sejarah lebih-lebih lagi dalam keadaan buku ini tidak menggunakan sebarang rujukan nota kaki dan lemah dari segi pembuktian.

Sisi positif buku ini ialah hasratnya, seperti yang dicatatkan oleh penulis, untuk meluaskan perspektif sejarah agar bersifat inklusif iaitu mencakupi semua lapisan pelakunya (atas-bawah, kiri-kanan, Melayu-bukan Melayu, Islam-bukan Islam, politik dan bukan politik, Semenanjung-Sabah dan Sarawak, bahkan rantau lebih luas mencakupi Asia Tenggara dan antarabangsa (hlm. 8). Hal ini juga sebenarnya bukanlah satu idea baharu dalam konteks pengkajian sejarah, melainkan jika hanya ingin dilihat dalam konteks penulisan buku teks atau rujukan umum peringkat sekolah menengah. Walaupun ia tidak diwar-warkan atau disebut-sebut, namun kajian-kajian sejarah sudah menjadi semakin meluas dan “terjun ke bawah” sejak tahun 1990-an lagi, dengan penghasilan pelbagai kajian dan tesis-tesis baharu yang kini lebih menyentuh tentang pelbagai aspek, ruang dan tema yang sangat luas. Sejarah Rakyat itu sendiri – dengan pelbagai istilah kini digunakan (sejarah dari bawah, sejarah orang ramai, sejarah orang biasa, sejarah sosial, atau sejarah marhaen) telah lama diketengahkan oleh ahli sejarah Malaysia yang mengkaji tentang peranan wanita, penganggur, petani, nelayan, penarik beca, pelacur, penyamun, ahli kongsi gelap, orang asli, penghijrah, dan sebagainya. Seruan-seruan untuk meluaskan sejarah seperti dianjurkan oleh aliran *Annales* telah lama disahut oleh ahli sejarah Malaysia walaupun wujud pelbagai halangan dan kekangan khususnya dari segi keupayaan mendapatkan sumber primer. Oleh itu, sejarah bukan politik dan Sejarah Rakyat bukanlah satu aspek yang terpinggir dalam sejarah Malaysia seperti yang didakwa oleh Syed Husin. Bahkan sejarah

rasmi yang menekankan peranan elit pemerintah kini sudah dianggap tidak lagi popular – sekarang tumpuan lebih banyak diberikan oleh ahli sejarah terhadap semua tema sejarah yang dianggap tidak rasmi dan tidak bernaratifkan politik. Selain itu, gambaran yang menyatakan sejarah Sabah dan Sarawak terpinggir juga adalah tidak begitu tepat. Sejarah sesetengah negeri Melayu seperti Kelantan dan Terengganu juga bukanlah begitu jauh meninggalkan sejarah Sarawak dan Sabah. Cuma hanya dalam buku-buku rujukan umum dan buku-buku teks sekolah itu sahaja kelihatan sejarah masyarakat tanpa politik, Sejarah Rakyat dan sejarah bukan Semenanjung itu tidak terserlah.

Nampaknya “Sejarah Rasmi” yang dimaksudkan Syed Husin itu mungkin lebih melihat kepada penggarapan sejarah yang terdapat khususnya dalam buku-buku teks sekolah, yang sering dikritik oleh sesetengah ahli sejarah sendiri sebagai sebuah bahan dakyah daripada bahan sejarah. Dalam konteks ini, penulis seolah-olah cuba menyarankan satu pendekatan yang dapat mewujudkan satu buku teks sejarah yang inklusif, yang mengambil kira dan memenuhi kehendak semua pihak. Saranan ini bukanlah diwujudkan atas kepentingan ilmu sejarah itu sendiri, sebaliknya kerana tujuan politik. Misalnya wujud tuntutan ahli politik bukan Melayu di Malaysia mutakhir ini yang menganggap sejarah yang ada pada hari ini tidak mencukupi kerana tidak memasukkan peranan kaum bukan Melayu secara seimbang. Alasan yang diberikan misalnya sama seperti yang terdapat dalam buku ini ialah supaya sejarah dapat memainkan peranan bagi mewujudkan perpaduan kaum, integrasi nasional dan pembinaan sebuah negara-bangsa baharu.

Namun usaha begini telah dikritik oleh ahli sejarah berdasarkan dua keadaan. Pertama, misi untuk menjadikan sejarah sebagai alat ideologi bagi memuaskan hati semua pihak – atas tujuan-tujuan semangat patriotisme, perpaduan kaum, integrasi nasional, dan sebagainya – adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip sejarah yang objektif. Langkah itu menjadikan sejarah tidak lebih sebagai propaganda pemerintah, iaitu sebagai alat untuk menyampaikan maklumat yang berat sebelah, yang telah ditetapkan bagi memenuhi kehendak-kehendak politik dan sudut pandangan tertentu yang tidak ada kaitannya dengan kepentingan sejarah. Kedua, ahli sejarah, demi melihat disiplin sejarah itu dihormati, menuntut para penggubal kurikulum sejarah agar tidak tunduk kepada tuntutan dan desakan yang bersifat politik atau perkauman (Ahmat 2013, 10), yang cuba menggunakan sejarah hanya bagi memuaskan hati setiap pemimpin parti politik atau kaum. Seperti yang disarankan oleh Ahmat Adam, “Amatlah tidak munasabah jika *inclusiveness* diertikan sebagai memastikan adanya perwakilan berasaskan kaum diambil kira apabila berbicara mengenai sumbangan tokoh-tokoh dalam pembinaan negara-bangsa Malaysia. Sebaliknya, nama seseorang tokoh itu hanya dimasukkan bukan kerana dia mewakili kaumnya tetapi oleh kerana sumbangannya kepada pembangunan dan kesejahteraan Malaysia. Oleh itu tidaklah boleh dikompromikan matlamat asal pengajian sejarah yang menekankan hanya naratif sejarah mengenai

kejadian (dan tokoh) yang benar-benar telah memberi impak yang bermakna kepada kelompok yang lebih besar sahaja yang diambil kira” (Ahmat 2013, 10). Kedudukan yang sama juga relevan untuk menjelaskan ketidakmunasabahan untuk ahli sejarah, penulis-penulis buku sejarah dan mereka yang terlibat dalam menggubal kurikulum sejarah untuk mengambil kira semua tuntutan lain hanya atas nama untuk mewujudkan sebuah sejarah inklusif yang dapat memuaskan dan menggembirakan hati semua pihak.

Usaha mewujudkan sejarah yang bersifat “menggembirakan semua pihak itu” seolah-olah cuba diterjemahkan melalui penolakan terhadap elemen Sejarah Rasmi misalnya naratif politik yang berpusatkan sejarah perjuangan The United Malays National Organisation (UMNO) dan tokoh-tokohnya yang dianggap tidak mewakili suara rakyat dan menjadi rakan subahat British berbanding usaha sebaliknya untuk mengiktiraf perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM) yang dianggap sebagai “pejuang pembebasan nasional” dan “pejuang kemerdekaan” sebenar (hlm. 122, 138), yang didakwa mewakili semua kaum. Pandangan tersebut dijelaskan dalam buku ini tanpa memberikan bukti-bukti yang konkrit mengenai hujah bahawa PKM mengutamakan perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu/Malaya berbanding mendirikan sebuah negara komunis di bawah kawalan China atau Soviet Union. Walaupun buku ini tidaklah menafikan sepenuhnya peranan dimainkan kepimpinan UMNO dalam perjuangan nasionalisme, namun penolakan tumpuan elit dalam sejarah dan keinginan untuk mewujudkan sejarah inklusif akan menjadikan sejarah UMNO itu tidak lagi relevan. Hal ini diserlahkan misalnya melalui gambar yang dipaparkan pada kulit belakang buku ini yang hanya memasukkan tokoh-tokoh kiri dan komunis dengan membuang sama sekali tokoh-tokoh elit daripada kelompok pelaku Sejarah Rasmi yang bagaimanapun sehingga kini masih dikekalkan sebagai *founding fathers* dalam perjuangan bangsa seperti Dato’ Onn dan Tunku Abdul Rahman. Mungkin inilah sebenarnya yang ingin diterjemahkan oleh pandangan sejarah baharu atau disebut Sejarah Rakyat dan Sejarah Alternatif itu. Naratif ini akhirnya akan menjadi begitu berat sebelah dan tidak akan memenuhi seruan seorang tokoh politik, Anwar Ibrahim, bahawa “Sejarah Malaysia wajib memuatkan kisah kawan dan lawan secara adil” (hlm. 16). Dengan kemenangan parti-parti politik dalam Pakatan Harapan yang kini membentuk kerajaan baharu, dan usaha-usaha yang kini seolah-olah bergerak untuk memenangkan tafsiran Sejarah Rakyat ke atas Sejarah Rasmi, pastinya satu Sejarah Rasmi versi baharu akan diwujudkan oleh golongan yang menang dan berkuasa pada hari ini.

Rumusannya, wujud polemik yang begitu meluas terhadap pentafsiran sejarah Malaysia yang berkisar tentang perjuangan nasionalisme kerana ramai pihak yang mempunyai agenda politik ingin menegakkan tuntutan politik masing-masing melalui penggarapan sejarah. Pada awalnya, beberapa isu timbul kerana kelemahan yang terdapat dalam pemaparan buku teks sejarah yang harus diakui

terlalu mengutamakan suara kelompok elit dan pemerintah yang menguasai kerajaan sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). Hal ini menimbulkan ketidakpuasan hati pihak-pihak yang merasakan peranan kelompok mereka telah dipinggirkan. Lantas mereka cuba memperjuangkan “reformasi” dan “kemerdekaan” sejarah tetapi dengan menyodorkan tafsiran mereka sendiri yang dianggap tepat sebagai fakta-fakta sejarah yang perlu diterima oleh semua pihak. Yang menjadi mangsa di tengah-tengah polemik dan perbalahan “pakar-pakar sejarah” baharu itu ialah ahli sejarah dan ilmu sejarah itu sendiri. Sesetengah ahli sejarah telah diseret untuk terjebak dalam polemik politik sejarah ini yang bertujuan untuk memutihkannya watak dan ideologi perjuangan politik masing-masing serta menghitamkan watak lawan. Masyarakat pula menjadi keliru sehingga gagal membezakan antara pandangan dan tulisan sejarah politik dengan pandangan politik sejarah. Hal ini telah mempengaruhi sikap dan penghormatan mereka terhadap ilmu sejarah itu sendiri sehingga menjadikan ilmu sejarah sebagai satu ilmu dan disiplin yang kelihatan tidak seimbang.

Jalan keluar bagi memperbaiki keadaan dan mengembalikan semua sifat keobjektifan dalam sejarah Malaysia, yang dapat diterima oleh semua pihak, ialah semua pihak perlu menghormati kebebasan dalam pentafsiran sejarah dengan tidak menetapkan satu acuan yang dipaksakan untuk diterima oleh orang lain. Hal ini melibatkan peranan yang harus dimainkan oleh pemerintah, ahli politik, masyarakat dan pengkaji sejarah. Pihak pemerintah khususnya yang baharu memegang kuasa selepas PRU14 baru-baru ini haruslah bersikap terbuka untuk memberikan kebebasan sepenuhnya bagi tafsiran sejarah itu berkembang, dan tidak menyekat para pelajar mengembangkan kemahiran berfikir dengan menetapkan apa yang harus dianggap betul atau tidak betul berdasarkan kepentingan politik melalui buku teks. Ahli politik dan masyarakat juga harus memberikan kebebasan dan menghormati kemerdekaan ahli sejarah, dengan tidak membuat tuntutan dan kecaman yang bertujuan untuk menyekat pandangan dan tafsiran secara bebas walaupun ia tidak memihak kepada mereka. Ahli sejarah dan ahli akademik pula harus mengeneipkan pandangan politik dan menunjukkan sikap sebaiknya untuk menghormati asas ilmu sejarah iaitu cuba memaparkan sejarah secara adil dan seimbang mungkin tanpa perlu menunjukkan sikap berpihak dan berat sebelah.

Apa yang perlu dibina ialah suatu kelonggaran dalam persekitaran untuk memberi dan menerima pandangan berbeza, kerana tidak ada satu persetujuan mutlak dapat dicapai dalam pentafsiran sejarah, tidak ada pandangan muktamad yang akan dapat memuaskan hati semua pihak. Dalam konteks ini, perbezaan pendapat haruslah diraikan dan bukannya perubahan itu dilakukan hanya dengan membuang Sejarah Rasmi yang lama lalu dimasukkan Sejarah Rasmi yang baharu. Dengan membiarkan pembelajaran, pengajaran, perbincangan dan penulisan sejarah ditentukan sebeb-bebasnya oleh usaha-usaha penghujahan dan pembuktian yang objektif, maka dengan itu baharulah peranan semua pihak akan

lebih dihargai, dan masyarakat perlu menerima. Sejarah tidak lagi akan menjadi medan mana-mana pihak untuk memutihkan atau menghitamkan pihak lawan, kecuali untuk memerihalkan seperti apa yang sebenarnya berlaku.

RUJUKAN

- Ahmat Adam. 2013. Pendidikan sejarah di Malaysia dewasa ini: Sejauh manakah ia relevan kepada pembinaan nasyon? Ucaptama yang disampaikan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Geografi anjuran Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 29 August.
- Azmi Arifin. 2014. Local historians and the historiography of Malay nationalism 1945–57: The British, The United Malays National Organization (UMNO) and the Malay Left. *Kajian Malaysia* 32(1): 1–35.
- . 2016. Polemik sejarah perjuangan kemerdekaan “versi pemerintah” dan “versi rakyat”: Antara sejarah, politik dan dakyah. Kertas kerja Persidangan Nasional Sejarah Malaysia Pasca Merdeka 2015, Dewan Persidangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 21–22 January.
- Azmi Arifin and Abdul Rahman Haji Ismail, eds. 2016. *Di sebalik tabir sejarah politik Malaysia 1945–1957*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kua, K.S. 2011. *Patriots and pretenders: The Malayan peoples’ independence struggle*. Petaling Jaya: Suaram Komunikasi.
- Muhammad Nazreen. 2011. Milik siapa sejarah Malaysia. 13 September. <https://www.roketkini.com/2011/09/13/milik-siapa-sejarah-malaysia-oleh-muhammad-nazreen/> (accessed 12 January 2019).
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2005. Tafsir sejarah dengan bukti. *Utusan Malaysia*, 11 September.
- Ridauddin Daud. 2019. Sejarah negara perlu disusun semula. 19 January. <https://www.sinarharian.com.my/article/8526> (accessed 12 January 2019).
- Ronnie, L.T.K. 2006. The real fighters for Merdeka. Kenyataan media. <https://dapmalaysia.org/all-archive/English/2005/Sept05/Bul/bul2803.htm> (accessed 4 September 2006).